



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**OPERASI SELAMAT PARU-PARU (OPS SELAMAT PaPa)
1 OKTOBER 2025 SIMBOLIK
PENGUATKUASAAN SEPENUHNYA AKTA KAWALAN PRODUK
MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2024 [AKTA 852]**

Putrajaya, 1 Oktober 2025

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) **menguatkuasakan sepenuhnya** Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852] **pada hari ini, 1 Oktober 2025** melalui pelaksanaan Operasi Selamat Paru-Paru (Ops Selamat PaPa) di sekitar Putrajaya sebagai simbolik. Penguatkuasaan penuh hari ini menandakan tempoh **pelaksanaan berfasa** selama setahun sejak Akta tersebut mula dikuatkuasakan pada **1 Oktober 2024** secara **rasminya berakhir**.

Ops Selamat PaPa menumpukan **tindakan tegas** terhadap semua kesalahan di bawah Akta 852, termasuklah **seksyen-seksyen yang mula berkuat kuasa pada hari ini**:

- i. Seksyen 3 - Pendaftaran produk merokok;
- ii. Seksyen 10 – Menjual atau mempamerkan produk merokok yang tidak mematuhi kehendak yang ditetapkan; dan
- iii. Seksyen 15 – Mengilang, mengimport atau mengedar produk merokok tidak mengikut kehendak pembungkusan dan pelabelan.

Jika disabitkan kesalahan terhadap seksyen di atas, bagi **pertubuhan perbadanan**:

- i. Kesalahan pertama: Denda **RM20,000–RM100,000** atau **penjara tidak melebihi 2 tahun** atau **kedua-duanya**; dan
- ii. Kesalahan berikutnya: Denda **RM50,000–RM300,000** atau **penjara tidak melebihi 3 tahun** atau **kedua-duanya**.

Penguatkuasaan Akta 852 (bermula 1 Oktober 2024 **sehingga 30 September 2025**):

- a. sebanyak **400,477 premis** telah diperiksa;
- b. sebanyak **20,989 operasi** telah dijalankan;
- c. sebanyak **126,531 notis** dikeluarkan bagi kesalahan **boleh dikompaun** di bawah Akta tersebut;
- d. Sejumlah **966 kertas siasatan** telah dibuka bagi kesalahan tidak boleh dikompaun.

Pelaksanaan operasi ini akan diteruskan **secara strategik** dengan kerjasama erat **agensi-agensi lain**, termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara, bagi memastikan keberkesanan penguatkuasaan Akta 852.

KKM menyeru semua lapisan masyarakat agar dapat bersama menjayakan penguatkuasaan penuh Akta 852 ini demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat dan generasi masa hadapan. Sebarang **kesalahan berkaitan** hendaklah **dilaporkan dengan segera** melalui saluran rasmi seperti **talian aduan WhatsApp** di **010-8608949** atau **laman sesawang** <https://jomlapor.com>.

KKM sentiasa komited dalam segala usaha termasuklah penguatkuasaan semua akta di bawah bidang kuasanya bagi memastikan kesihatan rakyat Malaysia terjamin. Ini sejajar dengan nilai MADANI - *Kemampanan, Kesejahteraan dan Hormat*.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

